

LEBIH 1,000 PETUGAS MSM TERIMA VAKSIN MELALUI PIKAS

KUALA LUMPUR, JULY 27, 2021 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) komited dalam memastikan semua petugas termasuk kontraktor menerima vaksin sepenuhnya, sejajar dengan saranan pihak kerajaan untuk mempertingkatkan kadar imunisasi ke arah mencapai imuniti kelompok dalam menangani penularan wabak Covid-19. Buat masa ini, program vaksinasi MSM akan bermula dengan melibatkan 200 orang petugas dalam kawasan Lembah Klang, meliputi tenaga kerja rantai bekalan di Sungai Buloh serta ibu pejabat korporat di Kuala Lumpur.

Semua petugas telah dijadualkan untuk menerima dos vaksinasi pada hari ini bertempat di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa (MITEC) melalui Program Imunisasi Industri Covid-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS). Pada masa yang sama, pengeluar gula bertapis terkemuka jenama ikonik "Gula Prai" akan terus memperkasakan usaha bagi mendapatkan temujanji vaksinasi bagi para petugas di kilang-kilang yang terletak di Prai, Pulau Pinang dan Tanjung Langsat, Johor melibatkan hampir 800 orang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "Sebagai salah satu pembekal makanan asas negara, kesihatan dan keselamatan para petugas kami adalah menjadi keutamaan khususnya dalam pandemik ini, memandangkan kami kekal beroperasi seperti biasa dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat. Risiko jangkitan ini dapat dilihat dalam peningkatan kes Covid-19 yang melibatkan kluster tempat kerja, di mana ia memerlukan kita untuk melaksanakan langkah-langkah pencegahan yang menyeluruh di samping membuat permohonan bagi mendapatkan keutamaan dalam program vaksinasi untuk meminimumkan impak operasi yang boleh menjejaskan bekalan gula dalam negara."

"Pengagihan vaksin yang dipercepatkan oleh pihak kerajaan di bawah Pelan Pemulihan Negara turut dijangka akan menjana semula sektor sosio-ekonomi ke arah pemulihan. Selain itu, pihak majikan juga kini boleh mendapatkan temujanji vaksinasi untuk para pekerja melalui pelbagai program seperti PIKAS dan juga Program Vaksin Selangor (Selvax). Secara signifikan, sebagai majikan yang bertanggungjawab, kita memainkan peranan yang penting dalam membantu kerajaan untuk menghebahkan serta menggalakkan vaksinasi di samping



memastikan perniagaan dan operasi terus berjalan dengan mematuhi SOP yang telah digariskan oleh pihak berkuasa,” tambah beliau.

MSM telah merangka strategi-strategi pencegahan dan mitigasi Covid-19 yang menyeluruh dalam menilai bahaya dan risiko keterdedahan dalam kalangan petugas, disusuli protokol keselamatan dan tatakkerja yang sewajarnya bagi melindungi para petugas serta memastikan persekitaran tempat kerja yang sihat. Langkah-langkah proaktif ini termasuk ujian saringan secara meluas dan waktu rehat berperingkat di premis operasi, penyahjangkitan dan sanitasi harian, deklarasi tahap kesihatan individu, pengurangan kepadatan di tempat kerja, penjejakan kontak dan ujian SWAB mandatori bagi petugas-petugas dan pekerja kontrak baharu.

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 million setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 137
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com